

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Tambahan  
Sidang Akademik 1991/1992

Jun 1992

JHH 342 - Sejarah Awal Asia Tenggara

Masa: [3 jam]

---

ARAHAN

1. Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi TIGA muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.
2. Jawab TIGA soalan sahaja: SATU soalan daripada Bahagian A, SATU soalan daripada Bahagian B dan soalan yang ketiga boleh dipilih daripada mana-mana bahagian.

...2/-

BAHAGIAN A

1. Bincangkan tentang proses-proses perkembangan tamadun yang telah dicapai oleh penduduk Asia Tenggara sehingga ke awal Zaman Logam.  

(100 markah)
2. "Perdagangan memainkan peranan penting dalam pembentukan kerajaan Sriwijaya". Sejauh manakah pada pandangan anda tepatnya pernyataan di atas?  

(100 markah)
3. Bincangkan sebab-sebab yang telah membawa kepada keruntuhan kerajaan Funan.  

(100 markah)
4. Analisis tentang teori Vaisya dalam pengindiaan di Asia Tenggara dan nyatakan kelemahan-kelemahan yang terdapat padanya.  

(100 markah)

... 3/-

BAHAGIAN B

5. Islam telah sampai di Jawa sejak abad ke-8M lagi, malah telah pun mula bertapak di sana setelah masuk Islamnya Jay Sima, pemerintah kerajaan Kalingga di Jawa Timur, pada 726M. Akan tetapi Islam hanya tersebar secara meluas di Jawa sekitar abad ke-15M. Mengapakah pada pandangan anda perkara ini terjadi?

(100 markah)

6. Bincangkan kelemahan-kelemahan yang terdapat pada teori pengislaman Asia Tenggara dari India.

(100 markah)

7. "Semasa keagungan kerajaan Aceh Darulsalam, pencapaian tamadun Islam bentuk fizikal tidak begitu jelas kelihatan. Namun demikian pencapaian dalam bidang pemikiran dan penulisan begitu luas sekali." Bincangkan pernyataan di atas.

(100 markah)

8. "Islam telah disebarikan di Kedah dan di negeri-negeri pantai timur lebih dahulu daripada di Melaka." Apakah pernyataan di atas dapat diterima?

(100 markah)

oooOooo

